

## KONSEP *AL-TA'JIL* DAN *AL-TA'KHIR* DALAM PELAKSANAAN HUKUM SYARAK

Nazrul Hassan\*  
Jasni Sulong\*\*

### ABSTRACT

*Islam is a way of life that is a perfect match to abilities of human beings. Allah the Almighty knows every aspect of human beings as He is the Creator. Most of Allah's commandments come in a general form of either to do or not to do a task. Humans often misunderstand the task until it seems too difficult resulting in delay or incorrect execution. The order of Allah must be understood well to assure every task given is accomplished in proper manner. Thus, these kind of commands need to be clarified as to be performed immediately (*al-ta'jil*) or delay is acceptable (*al-ta'khir*). Muslims' scholars have insights into these matters and they had weighted the situation under few conditions and priorities. To achieve these objectives, the study will look into verses from Quran and commandments of the Prophet to provide deeper insight and guide to accurate finding. Allah always comforts us and He desires for us harmony not hardship, despite formidable difficulties that we may sometimes face. It is important to raise out to the command of Allah, and know that He is always thinking highly of human potential to fulfill his commandment.*

**Keywords:** *solat, al-ta'jil, al-ta'khir, ibadah, syarak*

\* Assistant Director of Library and Publication Unit, Library Islamic Centre, Universiti Sains Malaysia.

\*\* Senior Lecturer, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, jasni@usm.my.

## PENDAHULUAN

Kajian mengenai *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* merupakan salah satu kaedah dalam pengajian fiqh yang membincangkan perkara-perkara yang berkait dengan masa (*al-amr al-mawqūt*), keutamaan sesuatu tindakan (*al-awlāiyāt*) dan kelebihan amalan (*fadā'il*). Kaedah ini bukanlah sesuatu yang baru dalam konteks hukum-hakam syarak. Umat Islam telah biasa membincangkan mengenai masalah yang hampir sinonim seperti ini melalui penggunaan istilah-istilah fiqh seperti *khilāf al-awlā*, *khilāf al-ḥukm al-ajdar bi al-taṭbīq* dan afdal untuk menunjukkan keutamaan sesuatu, seterusnya menentukan sama ada ia perlu disegerakan atau dilewatkandan.<sup>1</sup> Umumnya, konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* ialah berkaitan dengan masa pelaksanaan sesuatu ibadah. Dalam hal ini, seorang Muslim diharuskan memilih sama ada untuk menyegerakan pelaksanaan sesuatu ibadah ataupun melewatkannya. Keadaan ini memberikan kelonggaran dan ruang waktu yang sesuai dan munasabah untuk seseorang Muslim dalam melaksanakan tuntutan syarak.

Secara konseptualnya, kefahaman berkaitan konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* penting untuk meningkatkan lagi kualiti ibadah seseorang individu Muslim dan dapat mengelak daripada sebarang kesulitan. Kaedahnya dengan menghalusi faktor-faktor pemudah, penghalang atau penangguh yang boleh menjelaskan kualiti pelaksanaan sesuatu ibadah. Justeru, perbincangan dalam kertas ini akan cuba menghuraikan konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* ini menerusi beberapa bidang fiqh seperti solat, taubat, haji, pengurusan jenazah, zakat dan sebagainya.

## DEFINISI AL-TA'JĪL DAN AL-TA'KHĪR

Perkataan *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* adalah merupakan dua istilah daripada Bahasa Arab. Ia kebiasaananya disebut secara berangkai dalam perbincangan ilmu Usul Fiqh bagi menunjukkan keadaan dan waktu sesuatu ibadah yang harus dilaksanakan.

Secara satu persatu, perkataan *al-ta'jīl* merupakan kata terbitan yang berasal daripada kata kerja عجل atas *wazn فَعْل* yang bermaksud “segera”. Lawan perkataan ini ialah البطء yang bermaksud “lambat”.<sup>2</sup> Kamus *al-*

<sup>1</sup> Ibn ‘Abd Raḥmān al-Mansūrī (1999), “Fiqh Keutamaan”, (Kertas Kerja dibentangkan pada 10 Mac 1999 di Dewan (HUDA) Majlis Perwakilan Mahasiswa Damanhūr, Buhayrah, Egypt).

<sup>2</sup> Lihat Ibn Manzūr (t.t), *Lisān al-‘Arab*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 11, h. 425; al-Zubaydi (t.t), *Taj al-‘Urūs*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 2, h.

*Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī* memberikan tiga definisi bagi *al-ta'jīl* mengikut penggunaannya dalam struktur ayat,<sup>3</sup> iaitu:

1. استحثه، حثه على الإسراع،

*Mendorong seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan segera,*

2. الأمر: نفذه قبل الوقت المحدد لتنفيذها،

*Perintah; melaksanakan sesuatu arahan sebelum waktu yang ditetapkan,*

3. له من الشمن كذا: قدم، دفع مقدما.

*Bagi (jual beli) harga tertentu; didahului bayaran, wang pendahuluan.*

Definisi ini turut diberikan oleh al-Jawharī<sup>4</sup>, Ibn Manzūr<sup>5</sup> dan Ibn Fāris.<sup>6</sup> Ia jelas menunjukkan maksud segera dan awal. Terdapat beberapa perkataan lain yang mempunyai makna yang sama dengan *al-ta'jīl* iaitu *awwal* الأول, *al-isra'* السير, *al-taqdīm* التقديم, *al-sabq* السبق, *al-haththa* الحث, *al-mubādarah* المبادرة, dan *al-fawr* الفور. Manakala perkataan *al-takhfīf* juga membawa maksud *al-ta'jīl* secara tidak langsung apabila pelaksanaan ibadah yang dilakukan telah ditunaikan secara ringan dan cepat. Selain itu, menurut al-Azharī, perkataan *hayya* حي juga membawa maksud bersegera dan cepat,

---

7298, *Sharḥ Ḥudūd Ibn 'Arafah*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 2, h. 303; Muqri, Syaykh Abu al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Fayyūmi al-(t.t), *al-Miṣbāh ʻal-Munīr fī Ghāribi al-Sharḥ al-Kabīr*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 6, h. 53; Maṭraz, Abū al-Faṭḥ Nāṣir al-Dīn bin 'Abd al-Sayyid bin 'Alī al-(t.t), *al-Mughrib fī Tartīb al-Mu'rib*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 3 h. 425; Azharī, Abū Mañṣūr Muḥammad bin Ahmad al- (2001), *Tahdhīb al-Lughāt*, j. 1, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 234, j. 5, hh. 46, 183; j. 6, h. 213; j. 8, hh. 216-217; al-Razī, *Mukhtar al-Ṣāḥħah*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 1, h. 197; al-Jawhari (t.t), *al-Ṣāḥħah fī al-Lughah*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 1, h. 448; Al-Sahib bin 'Ubād (t.t), *al-Muhiṭ fī al-Lughāh*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 1, h. 38.

<sup>3</sup> Muḥammad 'Abduh, et.al, (t.t), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Larus: al-Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, h. 823.

<sup>4</sup> Al-Jawhari (t.t), *op.cit*, j. 1, h. 448.

<sup>5</sup> Ibn Manzūr (t.t), *op.cit*, j. 11, h. 425.

<sup>6</sup> Jāmi‘ah al-Kuwayt (2000), *Majallah al-Sharī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyah*. Kuwayt: Jāmi‘ah al-Kuwayt, v. 14, bil. 40, h. 121.

namun penggunaannya lebih khusus pada perkara yang membawa kebaikan sahaja.<sup>7</sup>

Perkataan *al-ta'jīl* atas *wazn* فعل terdapat pada lima tempat dalam al-Quran iaitu ayat 11 Surah Yūnus, ayat 18 Surah al-Isra', ayat 58 Surah al-Kahfī, ayat 20 Surah al-Fatḥ dan ayat 16 Surah Ṣād. Semuanya membawa maksud menyegerakan sesuatu perkara.<sup>8</sup> Sebagai contoh, firman Allah iaitu:

وَرَبِّكَ الْغَفُورُ ذُو الرَّحْمَةِ لَوْيُؤَاخِذُهُمْ بِمَا كَسَبُوا الْعَجَلَ لَهُمُ الْعَذَابُ بَلْ لَهُمْ  
مَوْعِدٌ لَنْ يَجِدُوا مِنْ دُونِهِ مَوْئِلاً.

“Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun yang memiliki rahmat, sekiranya Dia mengenakan hukuman tindakan terhadap apa yang mereka kerjakan pasti disegegerakan azab bagi mereka. Namun bagi mereka waktu yang telah ditetapkan (untuk merasai azab) bahkan tiada pihak selain Allah yang mampu merubah (ketetapan itu).”

(Surah al-Kahf, 18 : 58)

Manakala perkataan *al-ta'khīr* pula merupakan kata terbitan yang berasal daripada kata kerja أخر yang bermaksud “lewat” atau “tangguh”. Ia merupakan kata lawan kepada عجل yang bermaksud “segera”. *Al-Ta'khīr* juga sama erti dengan بطيء dan أجيال yang bermaksud “melambat, melengah dan memperlahangkan”. Menurut kamus al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī, *al-ta'khīr* didefinisikan sebagai yang berikut:<sup>9</sup>

أَخْرِيُّ خَرْ تَأْخِيرًا - الشَّيْءُ: بَطَأَ عَنْ وَقْتِهِ عَكْسَهُ قَدْمٍ  
Melewatkannya-sesuatu yang dilewatkannya dari waktunya,  
manakala sebaliknya ialah mendahulukan.

Perkataan *al-taṭwīl* التطويل yang bermaksud “memanjangkan” juga mengandungi makna melewatkannya. Sebagai contoh, apabila seseorang yang memanjangkan (mentaṭwīlkan) ucapan daripada masa yang diperuntukkan kepadanya maka bermakna dia telah melewatkannya masa tamat ucapan tersebut.

<sup>7</sup> Al-Azharī (2001), *op.cit.* j. 5, hh. 46, 183.

<sup>8</sup> Tabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Ghālib al-Āmalī (2000), *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*. Beirūt: Mu’assasah al-Risālah, j. 4, h. 215; j. 15, h. 33; j. 17, h. 408; j. 18, h. 52; j. 21, h. 160; j. 22, h. 229.

<sup>9</sup> *Ibid*, h. 75.

Berdasarkan pada definisi *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* di atas, boleh dirumuskan bahawa *al-ta'jīl* dalam ibadah adalah merujuk kepada tuntutan syarak yang menghendaki sesuatu ibadah dilaksanakan secara segera. Sementara *al-ta'khīr* dalam ibadah pula merujuk kepada tuntutan syarak yang mengharuskan sesuatu ibadah dilaksanakan secara lewat atau bertangguh atas sebab-sebab tertentu.

## DALIL BERHUBUNG *AL-TA'JĪL* DAN *AL-TA'KHĪR*

Dalil dan sumber hukum bagi konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* boleh dirujuk daripada al-Qur'an dan al-Sunnah, manakala perbincangan konsep ini dapat diikuti secara meluas dalam beberapa bidang ilmu fiqh seperti *al-Qawā'id al-Fihiyah*, *Fiqh al-Wāqi'*, *Fiqh al-Awlawiyāt*, *Uṣūl al-Fiqh*, *Fiqh al-Islāmī* dan *Maqāṣid al-Shar'iyyah*.

### **Al-Quran *al-Karīm***

Al-Quran merakamkan beberapa kenyataan yang menunjukkan bahawa konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* mempunyai kaitan rapat dengan fitrah dan kejadian manusia. Bagi perkataan *al-ta'jīl*, al-Quran memberikan pelbagai maksud bersegera sama ada dalam konteks yang positif ataupun negatif.

Dalam aspek positif, *al-ta'jīl* ke arah kebaikan adalah merupakan sesuatu yang terpuji dan sangat ditutut. Terdapat beberapa ayat al-Quran menunjukkan bahawa *al-ta'jīl* adalah ditutut dan dipuji seperti ayat 61 Surah al-Mu'minūn, ayat 114 Surah Āli 'Imrān, ayat 48 Surah al-Mā'idah, ayat 148 Surah al-Baqarah. Sebagai contoh, firman Allah SWT:

وَسَارُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ  
لِلْمُمْتَقِينَ

*"Bersegeralah kepada keampunan Tuhanmu dan syurga yang mempunyai keluasan menyamai langit dan bumi yang disediakan untuk golongan yang bertaqwa."*

(Surah Āli 'Imrān, 3 : 133)

Bagaimanapun, bersegera dalam keadaan yang tidak teratur sehingga memperlihatkan sikap tergesa-gesa dan gopoh adalah dicela. Walaupun sikap manusia diakui oleh Allah SWT memiliki ciri-ciri gopoh ini, ia hendaklah dielakkan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT di bawah:

خُلِقَ الْإِنْسَانُ مِنْ عَجَلٍ سَأُورِيْكُمْ ءَايَتِي فَلَا تَسْتَعْجِلُونِ

*“Manusia telah dijadikan (bertabiat) tergesa-gesa. Kelak akan Aku perlihatkan kepadamu tanda-tanda azab-Ku. Makajanganlah kamu minta kepada-Ku mendatangkannya dengan segera.”*

(Surah al-Anbiyā‘, 21 :37)

Dalam mentafsirkan ayat ini, al-Qurṭubī menyatakan manusia berkelakuan tergesa-gesa ketika meminta sesuatu kebaikan atau keburukan. Begitu juga dalam tindakan sebagaimana diriwayatkan bahawa Nabi Adam a.s tergesa-gesa untuk bangun sedangkan ruhnya belum sempurna dimasukkan ke dalam badannya.<sup>10</sup> Menurut Muḥammad Sayyid Ṭanṭawī, sifat tergesa-gesa harus dihindari dan boleh mendedahkan pada kemurkaan Allah SWT.<sup>11</sup>

Kaedah *al-ta’jīl* dan *al-ta’khīr* turut dipetik daripada Surah al-Qiyāmah dan Surah Tāha di mana Allah SWT menegur Nabi Muhammad SAW kerana gopoh ketika menghafal wahyu yang disampaikan oleh Jibrail a.s. sebelum ia menyempurnakan bacaannya.<sup>12</sup>

لَا تَحْرُكْ بِهِ لِسَانَكَ لَتَعْجَلْ بِهِ

*“Janganlah kamu gerakkan lidah kamu (untuk membaca al-Quran) kerana hendak cepat-cepat menguasainya.”*

(Surah al-Qiyāmah, 75 :16)

فَتَعَلَّمَ اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَى إِلَيْكَ وَحْيُهُ  
وَقُلْ رَبِّ زُدْنِي عِلْمًا

<sup>10</sup> Diriwayatkan bahawa anggota Adam a.s. pertama yang diciptakan oleh Allah SWT ialah kepala, lalu Adam as melihat jasadnya. Namun sehingga petang kakinya belum diberikan ruh, lalu ia meminta kepada Allah agar disegerakan sebelum malam tiba, lalu Allah berfirman seperti ayat tersebut di atas. Ibn ‘Abbās r.a. menyatakan bahawa Adam a.s. cuba bangun apabila ruh sampai ke pusat tetapi tidak berjaya, lalu Allah berfirman seperti yang tersebut, manakala Ibn Mas‘ūd r.a. seperti mana yang dinyatakan oleh al-Bayhaqī meriwayatkan bahawa apabila matanya diberikan ruh maka Adam a.s., terus melihat buah-buahan syurga, lalu Allah SWT pun berfirman. Lihat Qurtubi, Abu ‘Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari al- (t.t), *Tafsīr al-Qurṭubī*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 10, h. 226.

<sup>11</sup> Muḥammad Sayyid Ṭanṭawī (t.t), *al-Tafsīr al-Wasīṭ*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 1, h. 2900.

<sup>12</sup> Nasafī, ‘Abdullāh bin Aḥmad, bin Maḥmūd Ḥāfiẓ al-Dīn Abū Barakāt al- (t.t), *Madārik al-Tanzīl wa ḥaqā’iq al-Ta’wil*, j. 3, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 3, h. 49.

*“Maka Maha Tinggi Allah, Raja yang sebenar-benarnya dan janganlah kamu tergesa-tergesa membaca al-Quran sebelum disempurnakan wahyunya kepada kamu dan katakanlah, “Ya Tuhaniku, tambahkanlah kepadaku ilmu pengetahuan.”*

(Surah Tāha, 20 :114)

Sementara dalil al-Quran mengenai *al-ta'khīr* pula ialah larangan daripada melewatkannya, menangguhkan atau melengahkan sesuatu ibadah tanpa alasan yang munasabah. Sikap *al-ta'khīr* sebegini dikenali sebagai al-taswīf dan ia boleh dilihat dalam firman Allah dalam ayat yang berbunyi:<sup>13</sup>

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحْشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفِرُوا لِذُنُوبِهِمْ  
وَمَنْ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصْرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ

*“Dan (juga) orang-orang yang apabila mengerjakan perbuatan keji atau menganiaya diri sendiri, mereka ingat akan Allah, lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka dan siapa lagi yang dapat mengampuni dosa selain dari pada Allah? dan mereka tidak meneruskan perbuatan kejinya itu, sedang mereka mengetahui.”*

(Surah Āli ‘Imrān, 3 : 135)

Perbuatan yang dimaksud keji (*fāhishah*) ialah dosa besar yang mana mudaratnya tidak hanya menimpa diri sendiri tetapi juga orang lain, seperti zina dan riba. Sikap menganiaya diri sendiri ialah melakukan dosa yang mana mudaratnya hanya menimpa diri sendiri baik yang besar atau kecil. Sahal bin ‘Abdullāh ketika mengulas ayat ini menyatakan bahawa antara ciri-ciri orang yang bertaqwa ialah tidak melewatkannya ibadah dan segera bertaubat apabila melakukan sesuatu kesalahan.<sup>14</sup>

### **Al-Sunnah *al-Shari’ah***

Al-Sunnah adalah merupakan sumber kedua hukum syarak. Dalil-dalil daripada al-Sunnah juga menunjukkan sikap bersegera (*al-ta'jil*) mempunyai elemen positif dan negatifnya pada sisi syarak.

<sup>13</sup> Lihat Qurtubi, Abu ‘Abdullah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari al- (t.t), *op.cit*, j. 4, h. 211.

<sup>14</sup> *Ibid.*

*Al-Ta'jīl* dalam melakukan kebaikan, secara teratur dan mengharapkan keredaan Allah adalah dituntut untuk disegerakan. Hadis Sa'ad bin Abī Waqṣ contohnya menunjukkan *al-ta'jīl* dipuji:<sup>15</sup>

الْتَّؤْدَةُ فِي كُلِّ شَيْءٍ خَيْرٌ إِلَّا فِي عَمَلِ الْآخِرَةِ

*“Tenang dalam setiap perkara adalah baik melainkan dalam amalan akhirat.”*

Dalam hal ini, kedudukan *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* yang paling mudah dilihat ialah berhubung waktu mendirikan solat fardu. Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, Rasulullah SAW memerintahkan Abū Dhar r.a. agar segera melaksanakan solat fardu secara berjemaah tanpa perlu menunggu kedatangan para pemimpin sekiranya didapati mereka lewat tiba ke masjid.<sup>16</sup>

عَنْ أَبِي ذِرٍ قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ، كَيْفَ أَنْتَ إِذَا كَانَتْ عَلَيْكَ أَمْرَاءٌ  
يُؤْخِرُونَ الصَّلَاةَ عَنْ وَقْتِهَا أَوْ يَمْيِنُونَ الصَّلَاةَ عَنْ وَقْتِهَا. قَالَ: قَلْتُ  
فِيمَا تَأْمُرُنِي قَالَ صَلِّ الصَّلَاةَ لِوَقْتِهَا فَإِنْ أَدْرَكْتَهَا مَعَهُمْ فَصُلِّ فَإِنْهَا لَكَ  
نَافِلَةٌ...

*“Daripada Abū Dhar r.a., ia berkata bahawa Rasulullah SAW berkata kepadaku, «Apakah yang engkau akan lakukan sekiranya terdapat pemimpin yang lewat hadir untuk bersolat jemaah pada awal waktunya? Aku berkata, «Apakah yang engkau perintahkan ke atasku (sekiranya ia benar-benar berlaku)?» Bersolatlah pada awal waktu dan jika mereka hadir (selepas kamu selesai kamu bersolat, maka bersolatlah (sekali lagi) bersama mereka dan solat (kamu bersama mereka) adalah sunat bagimu...”*

Hadis Abu Dhar r.a. di atas menunjukkan kepentingan melaksanakan solat fardu pada awal waktu. Menurut Imam al-Nawawī, kaedah melaksanakan solat fardu berjemaah yang dinyatakan dalam hadis Abū Dhar r.a. membolehkan jemaah mendapat kelebihan bersolat pada awal waktu secara berjemaah dan pada masa yang sama menzahirkan ketaatan kepada pemimpin untuk mengelak perpecahan dan fitnah.<sup>17</sup>

<sup>15</sup> Hadis diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, al-Bayhaqī dalam *Sha'ab al-Imān* dan al-Hākim, ia berkata, “Sahih atas syarat kedua-duanya.”

<sup>16</sup> Nawawī, Abī Zakariyyā Maḥy al-Dīn al- (t.t), *Sharḥ al-Nawāwī 'Alā Muslim*, al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2, Kitāb al-Masājid, Hadis no. 1027, j. 2, h. 443.

<sup>17</sup> *Ibid.*

Bagaimanapun sifat bersegera yang dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa dan gopoh adalah dicela oleh Baginda SAW. Sabda Rasulullah SAW:<sup>18</sup>

الأنة أو التأني من الله تعالى والعجلة من الشيطان

*“Ketenangan dari Allah Ta ‘älā dan kegopohan dari syaitan.”*

Jelasnya, tidak semua perbuatan yang dilakukan dengan segera (*al-ta’jīl*) diharuskan syarak. Bagi membezakannya, al-Qarađāwī<sup>19</sup> mengemukakan tiga kaedah berhubung pelaksanaan sesuatu ibadah atau tindakan secara *al-ta’jīl*.

Pertama, sikap *al-ta’jīl* dicela jika ia diaplikasikan terhadap perintah yang bukan merupakan ketaatan yang zahir kepada Allah SWT. Walau bagaimanapun jika *al-ta’jīl* diaplikasikan terhadap perintah yang mengandungi ketaatan yang zahir kepada Allah SWT, maka ia bukanlah sesuatu yang tercela, malah sangat dituntut oleh syarak. Hal ini kerana berlumba-lumba mengerjakan kebaikan adalah dituntut oleh Allah SWT berdasarkan hadis Sa‘ad bin Abī Waqṣ di atas.

Contoh lain adalah berdasarkan satu riwayat bahawa seorang soleh memanggil pekerjanya untuk menyerahkan sedekah kepada seseorang tetapi ketika itu pekerja tersebut berada dalam tandas. Lalu ia berkata kepada orang soleh itu, “Bolehkah engkau bersabar sehingga aku keluar daripada tandas!” Orang soleh itu pun berkata, “Sebenarnya secara tiba-tiba aku terlantas untuk bersedekah. Oleh itu, aku ingin cepat-cepat melaksanakannya kerana bimbang takut-takut niat aku berubah nanti.”<sup>20</sup>

Kedua, syarak tidak mencela tindakan yang dibuat secara tergesa-gesa jika ia berdasarkan keputusan kajian dan penyelidikan yang mendalam berhubung perkara tersebut. Dalam situasi seperti ini, tindakan yang dilewatkan dengan

<sup>18</sup> Hadis ini diriwayatkan oleh al-Tirmīdhī daripada Sahal bin Sa‘ad al-Sa‘idi secara *marfū‘* dan ia berkata bahawa ia hadis *ḥasan għarib*. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Ibn Abī Ṣaybah dan Abū Ya‘lā dan Ibn Mūnī’ dan al-Ḥārith bin Abī Usāmah dalam *masānid* mereka daripada Anas dengan lafadz (التأني) .... sehingga akhir hadis. Al-Bayhaqī juga meriwayatkan daripada Anas juga. Dan berkata al-Munzirī dalam al-Targhib bahawa semua perawinya adalah sahih dan seumpamanya apa yang diungkapkan oleh al-Haythamī. Dalam *al-Ṣaḥīḥayn*, terdapat hadis daripada hadis Ibn ‘Abbās yang menyaksikan hadis ini. Sesungguhnya Nabi SAW bersabda kepada Ashj̄ ‘Abd al-Qāys, “Sesungguhnya pada diri kamu ada dua sifat yang disukai oleh Allah, iaitu lemah lembut dan tenang.” Lihat al-Qarađāwī (2000), *Fatāwā Mu ‘āṣirah*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, j. 1, h. 81.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Al-Qarađāwī (2000), *op.cit*, j. 1, h. 83.

alasan untuk melakukannya dengan tenang akan membawa kepada keburukan berdasarkan kenyataan al-Qaraḍāwī:<sup>21</sup>

كل شيء زاد عن حده إنعكس إلى ضده

*“Setiap sesuatu yang melampaui hadnya akan bertukar menjadi keburukan.”*

Ketiga, seseorang yang menyegerakan pelaksanaan sesuatu ibadah ketika waktunya hampir luput tidak dicela oleh syarak. Malah, dalam keadaan ini seseorang tidak patut berlengah lagi sehingga mengakibatkan waktu ibadah tersebut luput.

## APLIKASI KONSEP *AL-TA’JIL DAN AL-TA’KHIR*

Berdasarkan dalil-dalil di atas, konsep *al-ta’jil* dan *al-ta’khir* adalah bersumberkan dalil yang kuat di mana terdapat amalan yang perlu disegerakan atau dilewatkan megikut keadaan-keadaan tertentu. Sumber-sumber ini dibincangkan dengan lebih terperinci melalui beberapa kaedah fiqh bagi memperincikan lagi skop dan batasan pemakaian konsep hukum ini. Aplikasi konsep *al-ta’jil* dan *al-ta’khir* ini dapat dilihat dalam perbincangan-perbincangan berikut.

Berdasarkan perbincangan ulama fiqh, konsep *al-ta’jil* dan *al-ta’khir* dalam konteks ibadah dapat dibahagikan kepada 11 bahagian.<sup>22</sup>

**Pertama**, ibadah yang sempit waktunya seperti puasa Ramadan.

**Kedua**, ibadah yang mempunyai waktu yang luas seperti solat fardu (*al-maktabah*).

**Ketiga**, ibadah berbentuk pilihan (*المخير*) seperti keharusan menyegerakan atau melewatkannya pelaksanaan solat fardu dalam waktu yang ditetapkan oleh syarak. Oleh itu, seseorang mempunyai pilihan untuk menyegerakan pelaksanaan fardu atau melewatkannya pelaksanaannya untuk tujuan yang baik seperti melewatkannya solat fardu untuk menambah bilangan jemaah.

**Keempat**, ibadah yang boleh disegerakan tetapi tidak boleh dilewatkan (*ما يقبل التقديم ولا يقبل التأخير*) seperti kaedah menjamak solat Asar dan

<sup>21</sup> لا تتعجل عجلة الآخر ولا تحجم إحجام الفرق، Lihat al-Qaraḍāwī (2000), *op.cit*, j. 1, h. 83.

<sup>22</sup> Lihat Salām, ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz ‘Abd al- (2000), *al-Qawā‘id al-Kubrā*. Damshiq: Dār al-Qalam, j. 1, hh. 355-372.

Isyak. Hal ini kerana solat fardu boleh dijamak secara *taqdīm* ke dalam waktu Zuhur, manakala solat Isyak dijamak secara *taqdīm* ke dalam waktu Maghrib tetapi pada masa yang sama solat Asar dan Isyak tidak boleh dilewatkan pelaksanaan daripada waktu-waktu kedua-dua.

**Kelima**, ibadah yang boleh dilewatkan tetapi tidak boleh didahulukan (ما يقبل التأخير ولا يقبل التقديم) seperti solat Maghrib yang tidak harus dilaksanakan sebelum waktunya tetapi harus dilewatkan ke dalam waktu Isyak.

**Keenam**, ibadah yang tidak boleh didahulukan mahupun dilewatkan (ما لا يقبل التأخير ولا يقبل التقديم) seperti solat Subuh yang tidak boleh disegerakan atau dilewatkan pelaksanaannya daripada waktunya.

**Ketujuh**, ibadah yang wajib segera dilaksanakan (يجب على الفور) seperti mengeluarkan zakat binatang ternakan ketika sempurna tempoh.

**Kelapan**, ibadah yang wajib dilewatkan (يجب على التراخي) seperti ibadah haji, umrah, nazar mutlak dan kaffārah. Walau bagaimanapun, ibadah yang wajib atau sunat dilaksanakan secara lewat adalah afdal disegerakan sebaik sahaja masuk waktunya bagi mencapai maslahatnya jika tiada halangan.

**Kesembilan**, ibadah yang terbahagi kepada ibadah yang ditentukan waktu qada' tetapi harus diqada' secara lewat (ما يتقدر وقت قضائه مع قبوله للتأخير) seperti mengqada' puasa Ramadan yang tidak harus dilewatkan sehingga masuk Ramadan berikutnya tetapi tetap harus mengqada'nya pada Ramadan yang berikut jika seseorang masih belum mengqada' puasa tersebut.

**Kesepuluh**, ibadah yang boleh diqada' secara lewat (ما يكون قصاؤه متراعياً) seperti solat fardu yang ditinggalkan akibat tidur atau lupa.

**Kesebelas**, ialah ibadah yang wajib diqada' segera (ما يجب قضاؤه على الفور) seperti ibadah haji dan umrah yang rosak (*fasad*) atau luput, begitu juga dengan solat fardu yang sengaja ditinggalkan menurut salah suatu pandangan ulama'.

Pembahagian di atas menghasilkan sebuah konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* berhubung pelaksanaan sesuatu ibadah dan memberikan panduan kepada pihak yang ditaklifkan oleh syarak untuk melaksanakannya sama ada dengan kaedah menyegerakan atau melewatkannya. Jika diperhatikan, bahagian pertama, keempat, ketujuh membentuk konsep pelaksanaan ibadah secara *al-ta'jīl* manakala bahagian kedua, ketiga, kelima, kelapan kesembilan dan kesepuluh membentuk konsep pelaksanaan ibadah secara *al-ta'khīr*. Pembahagian di atas menunjukkan bahawa konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* merupakan asas pada semua pelaksanaan ibadah selain kenyataan al-Quran dan al-Sunnah. Penjelasan

selanjutnya adalah berdasarkan beberapa jenis ibadah supaya aplikasi konsep *al-ta'jil* dan *al-ta'khīr* dalam sesuatu pelaksanaan ibadah dapat dilihat dan difahami dengan lebih jelas.

### (1) Ibadah Solat

Dalam perkara ibadah khususnya solat, asas tuntutan supaya bersegera (*al-ta'jil*) menunaikan tanggungjawab pada awal waktu adalah merupakan hukum asal. Dalam hal ini, Imam al-Suyūṭī meletakkan satu kaedah berhubung pelaksanaan ibadah yang mempunyai waktu, iaitu.<sup>23</sup>

كل عبادة مؤقتة فالأفضل: تعجيلها أول الوقت

“*Setiap ibadah yang berwaktu maka yang paling dituntut ialah segera dilaksanakan pada awal waktu.*”

Menurut ulama, ibadah yang berwaktu seperti solat mempunyai waktu-waktu tertentu yang dikenali sebagai waktu permulaan (*bidāyah*), waktu pertengahan (*waṣṭ*) dan waktu penghujung (*nihāyah*). Waktu *bidāyah* ini juga dikenali sebagai waktu *fāḍilah* di mana ia sangat dituntut.<sup>24</sup> Sementara waktu pertengahan pula dinamakan sebagai waktu *tawṣī’ah* (keluasan) atau waktu *ikhtiyār* (pilihan), dan waktu *nihāyah* dikenali sebagai waktu *darūrah* (kecemasan).<sup>25</sup> Seseorang tidak diharuskan melewatkannya pelaksanaan solat fardu hingga masuk waktu *darūrah* kecuali atas keperluan atau hajat yang penting.<sup>26</sup> Justeru, keutamaan yang mesti diutamakan ialah melakukan sesuatu ibadah dengan segera. Ini selaras dengan dua kaedah fiqh yang berbunyi:<sup>27</sup>

تعجيل الحكم واجب على الفور عند وجود الحجة

“*Menyegerakan keputusan wajib disegerakan ketika wujud hujah (bukti).*”

أن التنفيذ عند كمال الحجة واجب على الفور

<sup>23</sup> Al-Suyūṭī (1998), *al-Ashbāh wa al-Naẓā’ir*. Qāhirah: Dār al-Salām, j. 1, hh. 697-698.

<sup>24</sup> Muḥammad Bakr Ismā‘īl (1997), *al-Fiqh al-Wādīh*. Qāhirah: Dār al-Manār, j. 1. hh. 154-159.

<sup>25</sup> *Ibid.*

<sup>26</sup> Al-Suyūṭī (1998), *op.cit.* j. 2, h. 756.

<sup>27</sup> Ṣinhājī , Abū al-‘Abbas Shihāb al-Dīn al-, al-Qurafī, Aḥmad bin Idrīs bin ‘Abd al-Rahmān (t.t), *Anwār al-Burūq fī Anwār al-Furūq*, al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2, j. 7, h. 427.

*“Sesungguhnya penguatkuasaan (hukum) wajib disegerakan apabila pembuktian telah lengkap.”*

Berdasarkan kaedah ini, seseorang hendaklah melaksanakannya tanggungjawab yang wajib ditunaikannya dengan segera apabila keadaan menentukan sedemikian. Dalam kes kehakiman, hakim hendaklah menyegerakan hukuman apabila cukup bukti.<sup>28</sup>

Walau bagaimanapun, al-Suyūṭī mengecualikan beberapa perkara daripada kaedah ini di mana disunatkan supaya melewatkannya (*al-ta'khīr*) perkara-perkara tersebut apabila berlaku keadaan yang memerlukan sedemikian (*fiqh al-wāqī'*). Misalnya, sunat melewatkannya solat Zuhur ketika cuaca panas. Hal ini berdasarkan hadis Abū Dhar r.a. di bawah.<sup>29</sup>

عن أبي ذر قال: أذن مؤذن النبي صلى الله عليه وسلم الظهر فقال: أبرد  
أبرد أو قال: انتظر، انتظر وقال: شدة الحر من فيح جهنم فإذا اشتد الحر  
فأبدوا عن الصلاة حتى رأينا فيء التلول

*“Dari padab Abu Dhar, ia berkata bahawa bilal Rasulullah SAW baru memulakan azan Zuhur (tetapi belum sempat memulai azan tersebut), Baginda bersabda, «Tunggu, tunggu sehingga cuaca redup.» Baginda bersabda lagi, «Sesungguhnya kepanasan melampau merupakan percikan api neraka. Apabila bersanggatan panas maka lewatkanlah solat sehingga kami dapat bayang-bayang sesuatu mula kelihatan di atas tanah.»»<sup>30</sup>*

Hadis di atas menunjukkan bahawa realiti daripada faktor-faktor persekitaran seperti cuaca dan masa perlu diambil kira dalam melaksanakan *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr*.

Begitu juga dalam konteks memendekkan atau memanjangkan sesuatu solat fardu, faktor persekitaran dan masyarakat atau jemaah yang bersama dalam ibadah tersebut perlu diambil kira. Sebagai contoh, Rasulullah SAW hanya

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 357.

<sup>29</sup> Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh *al-Lajnah al-Dā'imah li-al-Buhūth al-'Alamiyah wa al-Iftā'*, j. 8, h. 105, al-Maktabah al-Shāmilah menjelaskan bahawa azan Zuhur hendaklah dilewatkan ketika cuaca panas dan disegerakan selepas masuk waktu pada musim sejuk.

<sup>30</sup> *Al-Fay'* (الْفَيْ) dalam hadis ini bermaksud bayang yang terhasil selepas tergelincir matahari. Manakala perkataan *al-tulūl* (التلول) bermaksud setiap benda yang berada di atas bumi seperti tanah, batu dan seumpamanya dalam kedudukan mendatar dan tidak tinggi lazimnya. Lihat 'Aṣqalānī, Ibn Ḥajar al- (1939), *Fath al-Bārī*, al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2, *Kitāb al-Ṣalāh*, j. 2, hh. 304-309.

membaca surah *al-Tīn* dalam salah satu rakaat semasa mengimamkan solat Isyak dalam suatu musafir,<sup>31</sup> Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa Baginda mengambil kira pelbagai faktor dalam pelaksanaan ibadah solat. Hal ini juga berdasarkan kaedah fiqh:

التخيير في تخفيف الصلاة على الجماعات وتطويلها وتخفيف أفضل إلا أن  
يؤثروا التطويل

*“Pemilihan antara meringan atau memanangkan solat atas jemaah; dan mendirikan solat secara ringan adalah lebih afdal kecuali jika makmum mengutamakan solat yang panjang.”<sup>32</sup>*

Maksud meringankan solat *al-takhfif* ialah memastikan pelaksanaan solat tidak panjang supaya makmum yang mempunyai urusan atau hajat dapat menunaikan hajat mereka dengan segera. Kaedah *al-ta’jil* dan *al-ta’khīr* seumpama ini amat penting terutama dalam konteks ibadah secara berjemaah.

Begitu juga, sunat melewatkannya pelaksanaan solat *al-Duhā* sehingga berlalu satu perempat daripada waktu siang dan juga sunat melewatkannya pelaksanaan Solat Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha sehingga kedudukan matahari tinggi sedikit. Sekiranya timbul syak berhubung waktu solat fardu, maka pelaksanaannya sunat dilewatkannya sehingga yakin bahawa waktu solat fardu telah masuk.<sup>33</sup> Dalam hal ini, keharusan melewatkannya sesuatu taklif adalah berdasarkan kepentingan *al-maslahah*. Ini berdasarkan Kaedah Fiqh yang berikut:

إختلاف الأفضل باختلاف الزمان والمكان والحال

*“Keafdalan (keutamaan) (sesuatu perkara) adalah berbeza berdasarkan perbezaan masa, tempat dan keadaan.”*

Justeru, dalam menyegerakan atau melewatkannya pelaksanaan sesuatu ibadah solat misalkan hendaklah disesuaikan dengan keadaan pada masa tersebut.<sup>34</sup>

<sup>31</sup> Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash’ath al-Sijistānī (1984), *Sunan Abī Dāwūd*, Bāb Qaṣr Qira’ah al-Ṣalāh fī Safar, al-Maktabah al-Shāmilah ver 2, j. 3, h. 458.

<sup>32</sup> Salām, ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz ‘Abd al- (2000), *op.cit*, j. 1, h. 357.

<sup>33</sup> Wahbah al-Zuhaylī (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Damshiq: Dār al-Fikr, j.1, h. 675; Ibn Qudāmah, (t.t.), *al-Mughnī bi al-Sharḥ al-Kabīr*. Qāhirah: Dār al-Ghad al-‘Arabī, j. 1, hh. 452-502; Salām, ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-‘Azīz ‘Abd al- (2000), *op.cit*, j. 1, h. 49.

<sup>34</sup> Perkara ini juga dinyatakan oleh Ibn al-Qayyim. Lihat Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1998), *Fiqh al-Awlāfiyyāt*, *Dirāsah Jadīdah fī Ḏaw’al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, hh. 100-102.

## (2) Zakat Fitrah

Konsep *al-ta'jil* dan *al-ta'khīr* berhubung pelaksanaan ibadah zakat fitrah juga dibentuk oleh faktor persekitaran (*fiqh al-wāqi'*). Dalam soal pembayaran zakat fitrah misalnya, keutamaan untuk menyegerakan atau melewatkannya berubah mengikut keadaan semasa. Pada zaman awal Islam, pembayaran zakat ditunaikan selepas azan Subuh pada pagi 1 Syawal. Pada masa itu, umat Islam dapat membuatkan pembayaran zakat dengan sempurna kerana jumlah mereka masih sedikit. Namun, pada zaman Sahabat, pembayaran zakat dilaksanakan sehari atau dua hari lebih awal sebelum 1 Syawal kerana jumlah umat Islam semakin ramai, dan begitulah berkembang pada zaman Tabi'in, ulama mengeluarkan fatwa bahawa pembayaran zakat harus dilakukan pada awal atau pertengahan Ramadhan. Hal ini kerana jumlah umat Islam yang meningkat dengan begitu ketara sekali. Malah, pembayaran zakat yang dilakukan lebih awal memudahkan agihan dilakukan kepada orang miskin dan memenuhi keperluan mereka menjelang hari raya.<sup>35</sup>

Para ulama mazhab berselisih pendapat berhubung konsep *al-ta'jil* dan *al-ta'khīr* berhubung pelaksanaan zakat umum. Al-Shāfi'i, Abū Ḥanīfah dan Aḥmad berpendapat bahawa zakat harus dikeluarkan sebelum waktu wajib, iaitu *hawl* bagi zakat umum melibatkan mata wang, perniagaan dan ternakan, manakala Mālik tidak mengharuskan kaedah menyegerakan zakat sebelum *hawl*. Bagi pengeluaran zakat fitrah, majoriti ulama mengharuskan pengeluarannya sehari atau dua hari sebelum hari raya berdasarkan amalan 'Abdullāh bin 'Umar r.a. tetapi tempoh sebelum itu menjadi perselisihan dalam kalangan ulama'. Abū Ḥanīfah mengharuskan pengeluaran zakat fitrah sebelum bulan Ramadan, al-Shāfi'i bermula awal Ramadan, manakala Mālik dan Aḥmad tidak mengharuskan pengeluarannya kecuali sehari atau dua hari sebelum hari raya.<sup>36</sup>

## (3) Pengurusan Jenazah

Konsep *al-ta'jil* dan *al-ta'khīr* dalam pengurusan jenazah merujuk perintah al-Sunnah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah daripada

<sup>35</sup> *Fatāwā al-Azhār*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver 2, j. 1, h. 171; Qaraḍāwī, Yūsuf al-(1998), *Panduan Memahami Syariat Islam*, Ahmad Azzam (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi, h. 105.

<sup>36</sup> *Ibid.*, j. 9, h. 213.

‘Alī bin Abī Ṭālib r.a. bahawa Rasulullah SAW memerintahkan disegerakan pengebumian apabila berlaku kematian.<sup>37</sup>

Keperluan pada *al-ta’jīl* dan *al-ta’khīr* juga bergantung kepada usaha untuk pencegahan seperti untuk mengelak daripada berlakunya sesuatu masalah yang lebih buruk membabitkan jenazah dan ahli keluarga. Ini selaras dengan kaedah menahan daripada berlakunya kejahanan (*sadd al-dhara’i*) berdasarkan kaedah fiqh:<sup>38</sup>

### درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

“Menolak kebinasaan lebih utama daripada melakukan kebaikan.”

Apa yang menjadi keutamaan ialah usaha untuk mengelak kebinasaan berbanding menghasilkan kebaikan. Sebagai contoh, harus melewatkannya proses memandikan jenazah yang dikeluarkan daripada bilik sejuk supaya anggota mayat yang masih beku menjadi lembut dan najis menjadi cair<sup>39</sup> dan jenazah yang uzur hendaklah dibawa dengan tenang ke tapak perkuburan bagi mengelakkan terjatuh, terdedah keaiban atau merosakkan jenazah tersebut.

Menurut satu pandangan, sunat melewatkannya pengebumian bagi jenazah yang mati mengejut seperti terkena serangan jantung atau terjatuh dari tempat tinggi sehingga kematiannya dapat disahkan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti pihak hospital. Dalam hal ini, pengebumian juga harus dilewatkannya untuk memberikan peluang kepada ahli keluarga menziarahinya dengan syarat tidak takut berlaku apa-apa perubahan ke atas fizikal mayat. Namun, sekiranya ditakuti jenazah akan berubah, kerja-kerja pengurusan berkaitan pengebumian jenazah hendaklah disegerakan.<sup>40</sup> Termasuk dalam perbincangan ini, kes melewatkannya pengebumian jenazah untuk bedah siasat bagi mengetahui punca kematiannya.

Atas alasan yang sama iaitu mengelak keburukan yang lebih besar, maka syarak turut mengharuskan perempuan yang wajib mandi untuk melewatkannya jika tidak ada tempat yang dapat melindungi auratnya. Hal ini kerana mandi

<sup>37</sup> Ibn Majah, Muhammad ibn Yazid (1984), *Sunan Ibn Mājah*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, Bāb Mā Jā’a fī al-Janā’iz, j. 4, h. 431.

<sup>38</sup> ‘Abd ‘Azīz Muḥammad ‘Azām (2001), *al-Qawā'id al-Fiqhiyah*. Qāhirah: Maktab al-Risālah al-Dawliyyah li al-Ṭabā'ah wa al-Kumbuyūt, hh. 203-204.

<sup>39</sup> Pusat Islam Universiti Sains Malaysia (2006), *Modul Pengurusan Jenazah Bersepadu*. Kuala Lumpur: Percetakan Sinaran Bross, h. 20.

<sup>40</sup> Muḥammad Bakr Ismā‘īl (1997), *al-Fiqh al-Wāḍīh*. Qāhirah: Dār al-Manār, j. 1, hh. 381-382.

dalam keadaan mendedahkan aurat kepada lelaki membawa keburukan yang amat besar.

#### (4) Perkahwinan

Konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* berhubung hukum perkahwinan bertitik tolak daripada hadis 'Abdullāh bin Mas'ūd r.a.<sup>41</sup> di bawah:

عن عبد الله قال: قال لنا رسول الله صلى الله عليه وسلم: يا معشر الشباب  
من استطاع منكم الباءة فليتزوج فإنه أغض للبصر وأحصن للفرج ومن  
لم يستطع فعلية بالصوم فإنه له وجاء

*"Daripada 'Abdullāh, ia berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda kepada kami, Wahai pemuda, sesiapa yang mampu dalam kalangan kamu hendaklah berkahwin. Sesungguhnya perkahwinan dapat menjaga pandangan dan kemaluan. Namun, sesiapa yang tidak mampu maka berpuasalah. Hal ini kerana puasa itu dapat memecahkan nafsu."*<sup>42</sup>

Hadis ini menunjukkan bahawa Islam menggalakkan umatnya menyegerakan perkahwinan jika memiliki kemampuan. Hal ini kerana perkahwinan mampu menjaga kehormatan diri dan menghindari maksiat yang boleh membawa kepada perzinaan. Justeru, pemuda<sup>43</sup> yang berkemampuan,<sup>44</sup> khusus mereka yang takut terjebak dalam maksiat hendaklah menyegerakan (*al-ta'jīl*) perkahwinan.

<sup>41</sup> Al-Nawawi (t.t), *Sharḥ al-Nawawī 'Alā Muslim*, al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2, Kitāb al-Nikāh, j. 5, h. 70; Bukhari, Muhammad ibn Isma'il (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, Kitāb al-Nikāh, j. 15, h. 496.

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Al-Nawawī berkata bahawa *al-shabāb* dalam kalangan ulama' *al-Shāfi'iyyah* ialah lelaki yang sudah baligh tetapi tidak melebihi 30 tahun. Lihat al-Nawawī (1999), *al-Minhāj*. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, j. 9, 10, h. 176.

<sup>44</sup> Para ulama' berselisih tentang maksud *al-bā'ah* (kemampuan) dalam hadis ini. Al-Nawawī berpendapat tidak menjadi halangan untuk membawa maksudnya secara umum, merangkumi maksud memberikan nafkah zahir dan batin. Lihat al-Nawawi (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 958; Ibn al-Daqīq al-'Ayd (2002), *Iḥkām al-Aḥkām Sharḥ 'Umdah al-Aḥkām*, Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, j. 4, h. 22 ataupun muat turun buku elektronik ini daripada wibe-site *Shabkah Mishkāt al-Islāmiyah*, <http://www.almeshkat.net/vb/showthread.php?t=28918> (tarikh akses 24 November 2009).

Hadis ‘Abdullāh bin Mas‘ūd r.a. di atas menunjukkan bahawa usia, kemampuan zahir dan batin serta faktor diri individu-masing-masing menjadi faktor utama yang menentukan sama ada sesuatu perkahwinan itu disegerakan atau dilewatkan. Dalam hal ini ulama fiqh telah membahagikan hukum perkahwinan kepada lima bahagian, iaitu wajib, sunat (*mustahab*), haram, makruh dan harus (*mubāh*).<sup>45</sup> Pembahagian hukum perkahwinan kepada lima bahagian bukan sekadar maklumat, malah ia membentuk konsep *al-ta‘jil* dan *al-ta‘khīr* seterusnya membolehkan seseorang menentukan dan merancang sama ada menyegerakan atau melewatkhan perkahwinannya. Hal ini penting supaya pelaksanaan ibadah perkahwinan menepati *maqāṣid al-shar‘iyah* yang menjamin *maṣlaḥah*, keperluan manusia dan menolak kesukaran<sup>46</sup> yang dapat dicapai melalui pelaksanaaan ibadah yang anjal dan fleksibel.

Sehubungan dengan itu, majoriti ulama berpendapat bahawa individu yang takut terjerumus dalam aktiviti zina wajib menyegerakan perkahwinan supaya dapat menjaga agama dan maruahnya. Al-Ḥanafiyah berpendapat bahawa menyegerakan perkahwinan dalam situasi seperti ini adalah fardu ke atas individu terbabit dan berdosa jika dia melewatkhan perkahwinan itu. Menurut Ibn Taymiyah, perkahwinan wajib disegerakan dan diutamakan berbanding ibadah haji.<sup>47</sup>

Walau bagaimanapun, bagi individu yang berada dalam keadaan sempurna tetapi tidak mempunyai keinginan untuk berkahwin dan tidak takut terjerumus dalam zina, maka hukum melewatkhan dan menyegerakan perkahwinan adalah harus baginya. Manakala, individu yang ingin mendirikan perkahwinan, memiliki kemampuan serta tidak bimbang jatuh dalam zina, maka hukum mendirikan perkahwinan adalah sunat baginya. Bagi kedua-dua situasi yang dinyatakan di atas, syarak memberikan keharusan untuk melewatkhan atau menyegerakan perkahwinannya menurut kemahuan masing-masing. Hal ini

<sup>45</sup> Al-Sayyid Sābiq (2000), *Fiqh al-Sunnah*. Qāhirah; Dār al-Faṭḥ Li I‘lām al-‘Arabī, j. 2, hh. 12-13.

<sup>46</sup> Lihat Ahmad Bu‘ūd (2000), *Fiqh al-Wāqi‘i*, *Kitāb al-Ummah, Uṣūl wa al-Dawābiṭ*. Qāhirah: Maṭābi‘ Dār Akhbār al-Yawm, h. 146; Ahmad al-Rīsūnī (1992) *Naẓariyah al-Maqāṣid ‘Inda al-Imām al-Shāṭibī*. Beirut: al-Mu’assasah al-Jāmiyah Li al-Dirasāt wa al-Nashr, h. 7; Muhammad ‘Alī Sayis (1999), *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*. Damshiq: Dār al-Fikr, h. 50; Husayn Qandīl (1997), *Muqaddimah fī Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*. Qāhirah: t.p, h. 67.

<sup>47</sup> ‘Alā’ al-Dīn al-Ba‘īl al-Dimashqī (2000), *al-Ikhtiyārat al-Fiqhiyah Min Fatāwā Syaykh al-Islām Ibn Taymiyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h. 201 atau muat turun buku elektronik daripada Maktabah Ṣayd al-Fawā’id, <http://www.saaid.net/book/open.php?cat=4&book=1585>, tarikh akses 24 November 2009. Lihat pada bab al-Nikāh, h. 96 dan Muhammad Bakr Ismā‘īl (1997), *op.cit.*, j. 2, h. 7.

kerana tiada faktor pendesak untuk mereka melewatkannya atau menyegerakan perkahwinan.

### (5) Fardu Hajji

Perbincangan konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* dalam bidang haji adalah merujuk pada perintah syarak yang umum berhubung kewajiban menunaikan ibadah haji tanpa menentukan waktu pelaksanaannya. Dalam hal ini, para ulama berbincang mengenai perintah mengerjakan haji sama ada bermaksud “segera” atau harus “dilewatkan”?<sup>48</sup> Perselisihan ini berpunca apabila perintah syarak berhubung ibadah haji adalah bersifat umum dan tidak mempunyai waktu yang jelas serta khusus.<sup>49</sup> Perkara ini dibincangkan oleh ulama di bawah tajuk مطلق الأمر، هل يقتضي الفور أم لا؟ (perintah umum, adakah menunjukkan pelaksanaannya segera ataupun tidak?)

Dalam masalah ini, Mazhab al-Hanafi berpendapat bahawa perintah itu hendaklah dilaksanakan dengan segera. Bagaimanapun Mazhab al-Shafī'i berpandangan bahawa perintah itu tidak menunjukkan bahawa ia perlu disegerakan atau dilewatkan tetapi menunjukkan atas tuntutan melakukan amalan. Tuntutan ini boleh dilakukan pada bila-bila masa dan ketaatan diukur apabila ia dilaksanakan, tidak kira sama ada pelaksanaan ibadah tersebut disegerakan atau dilewatkan.<sup>50</sup>

Sekiranya kewajipan ini terbeban secara serentak dengan kewajipan syarak yang lain, kaedah dalam keutamaan melaksanakannya adalah berdasarkan kaedah fiqh yang berikut:

الواجب على الفور يقدم الواجب على التراخي

“Kewajiban segera mengatasi kewajiban lewat.”<sup>51</sup>

Berdasarkan kaedah di atas, apabila seseorang berhadapan dengan masalah untuk melaksanakan dua ibadah wajib secara serentak, maka pilihannya ialah dengan mendahuluikan (*al-ta'jīl*) ibadah yang perlu disegerakan berbanding ibadah yang harus dilewatkan (*al-ta'khīr*). Contohnya, antara ibadah haji dan mentaati ibu bapa atau antara membayar hutang dan menunaikan ibadah haji.

<sup>48</sup> Ghazālī, Abī Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al- (1970), *al-Muṣṭaṣfā*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, j. 2, h. 37; Asnawī, Jamāl al-Dīn ‘Abd Rahīm bin al-Ḥasan al- (1999), *Nihāyah al-Ṣūl fi Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl Ilā ‘Ilm al-Uṣūl*. Beirût: Dār Ibn Ḥazm, j. 1, h. 425.

<sup>49</sup> *Ibid.*, hh. 425-427.

<sup>50</sup> Al-Ghazālī (1970), *op.cit.*, h. 37.

<sup>51</sup> Sinhājī, Abu al-‘Abbas Shihab al-Din al- (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 217; j. 7, h. 357.

Dalam kes ini, mentaati ibubapa dan membayar hutang hendaklah diutamakan (*al-ta’jil*) berbanding ibadah haji. Hal ini kerana ibadah haji termasuk dalam kategori kewajiban yang boleh dilewatkan (الواجب على التراخي). Malah, ia menepati kaedah fiqh yang berbunyi (والواجب لا يؤخر إلا الواجب) iaitu ibadah wajib tidak dilewatkan melainkan untuk ibadah yang wajib.<sup>52</sup>

Dalam kes melontar *jamrah* pula, para ulama mempunyai beberapa pandangan berhubung pelaksanaannya, sama ada secara *al-ta’jil* dan *al-ta’khīr*. Pada dasarnya para ulama bersepakat bahawa para jemaah haji harus melontar di ketiga-tiga *jamrah* pada hari *tashrīq* menjelang waktu Zuhur. Melainkan pandangan Imam Abū Ḥanīfah yang hanya mengharuskan jemaah haji melontar *jamrah* pada hari *tashrīq* yang ketiga sebelum Zuhur. Manakala Imam ‘Atā‘ bin Abī Rabbāḥ, Ṭāwūs bin Kisyān mengharuskan para jemaah haji melontar sebelum waktu Zuhur pada sepanjang hari *tashrīq*. Apa yang diutamakan oleh syarak dalam hal ini ialah kemudahan dan mengelak kesukaran kepada jemaah haji yang saban tahun mempunyai beribu-ribu jemaah. Ini sesuai dengan Kaedah Fiqh<sup>53</sup>:

أولوية التخفيف والتسهيل على التشديد والتعسیر

“Keutamaan keringanan dan kemudahan berbanding kesukaran dan kepayahan.”

Dalam kes ini, jemaah haji mempunyai pilihan dalam melakukan *al-ta’jil* dan *al-ta’khīr* dalam ibadah melontar mereka.<sup>54</sup> Oleh itu, jemaah haji harus untuk menyegerakan pelaksanaan melontar *jamrah* bagi tujuan kemudahan dan keringanan.

## (6) Jenayah

Sebagaimana telah dibincangkan pada awal kertas ini, Islam bukan setakat mencela sikap tergesa-gesa dan gopoh (*al-ta’jil*), malah menyediakan hukuman yang setimpal apabila sikap tersebut menyebabkan pihak lain dizalimi atau dianiiayai. Sehubungan dengan itu, konsep *al-ta’jil* dan *al-ta’khīr* turut dibincangkan dalam perkara-perkara yang melibatkan pelanggaran atau pencerobohan terhadap hak milik seseorang. Antara bentuk jenayah ialah melakukan urus niaga melibatkan harta atau milikan pihak lain tanpa mendapat keizinan pemiliknya terlebih dahulu.

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> Al-Qaraḍāwī (1996), *op.cit.*, h. 71.

<sup>54</sup> *Fatāwa al-Azhār*, *op.cit.*, j. 9, h. 303.

Dalam fiqh, bentuk urusan seperti ini diistilahkan sebagai *al-fuḍūlī*. Menurut syarak *al-fuḍūlī* merujuk pada individu yang menguruskan hak milik orang lain tanpa memiliki status-sama ada sebagai wali atau melalui pewasiatan atau wilayah; kekuasaan atau wakil,<sup>55</sup> contohnya isteri menjual hak milik suami tanpa izin atau seseorang yang membeli sesuatu tanpa izin. Para ulama berselisih pendapat tentang status hukum urus niaga atau jual beli yang dilakukan tanpa izin. Asas perbincangan adalah merujuk hadis ‘Urwah al-Bāriqī r.a..<sup>56</sup> Pandangan pertama diwakili oleh Abū Thawr, Ibn al-Mundhir, Alh al-Zāhir, sebahagian al-Mālikiyah, Aḥmad dalam satu riwayat dan diikuti kebanyakan ulama al-Hanābilah dan pandangan al-Shāfi‘ī menurut *qawl al-jadīd* berpendapat bahawa urusan secara *fuḍūlī* adalah batal. Manakala pandangan kedua diwakili oleh Aḥmad dalam riwayat yang lain dan diikuti sebahagian ulama al-Hanābilah, pandangan al-Shāfi‘ī menurut *qawl al-qadīm*, Isḥāq bin Rahawiyah, al-Ḥanafiyah dan kebanyakan ulama al-Mālikiyah berpendapat bahawa urusan secara *fuḍūlī* adalah sah tetapi masih tertakluk kepada izin pemiliknya.

Berdasarkan pandangan Ibn Rajab dalam *al-Qawā'id* menunjukkan bahawa terdapat situasi tertentu yang memerlukan tindakan dilakukan secara *fuḍūlī*, contohnya apabila pemilik gagal dikesan atau ditemui dan sukar untuk menunggu kepulangannya untuk tempoh yang lama. Malah, urusan secara *fuḍūlī* diperlukan bagi kes-kes yang memerlukan tindakan segera bagi mengelak kerugian atau menjelaskan keuntungan pemilik atau mengakibatkan kemudarat bagi pihak pembeli.<sup>57</sup>

Berdasarkan pengamatan penulis, para ulama fiqh belum menjelaskan situasi dan hukum apabila urusan yang dilakukan secara *fuḍūlī* mengakibatkan kerugian atau ketaksiran kepada pemilik dalam konteks muamalat masa kini. Namun, berdasarkan kaedah fiqh di bawah menunjukkan bahawa pihak yang menjalankan urusan secara *fuḍūlī* dipertanggungjawabkan terhadap kerugian atau apa juar yang ditafsirkan sebagai ketaksiran sekiranya berlaku.

<sup>55</sup> Muhammad Ḥusayn Qandīl et.al (1998), *Dirasah Muqāranah*, Damanhūr: Jāmi‘ah al-Azhār Fur‘u, h. 110; Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mun‘im (t.t.), *Mu‘jam al-Muṣṭalaḥāt wa al-Alfāz al-Fiqhīyah*. Qāhirah: Dār al-Faḍīlah, j. 3, h. 45.

<sup>56</sup> Abū Dāwūd, Sulaymān ibn al-Ash’ath al-Sijistānī (1984), al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, *Kitāb al-Buyū'*, j. 9, h. 230; Muhammad Ḥusayn Qandīl (1998), *op.cit*, h. 111.

<sup>57</sup> Lihat Ibn Rajab, ‘Abd al-Rahman ibn Ahmad (t.t.), *al-Qawā'id Li Ibn Rajab*, al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2, j. 4, hh. 180-192.

## لو أقدم شخص على عمل غير مأذون فيه فإنه يضمن الخسارة الناشئة عن عمله

*“Sekiranya seseorang melakukan sesuatu perkara tanpa keizinan (daripada pemiliknya) maka dia menanggung kerugian yang berlaku akibat perbuatannya.”<sup>58</sup>*

Berdasarkan kaedah di atas, individu yang tergesa-gesa (*al-ta’jil*) menjalankan sesuatu urusan tanpa mendapat kebenaran pemiliknya terlebih dahulu hendaklah bertanggungjawab di atas segala terhadap kerugian, kerosakan, penyusutan nilai atau manfaat yang berlaku walaupun tanpa niat. Sebagai contoh, individu yang mengambil duit individu yang sedang mabuk dengan tujuan untuk menjaganya hendaklah bertanggungjawab jika duit tersebut hilang.<sup>59</sup> Berdasarkan kaedah fiqh di atas, individu yang ingin menjalankan urusan bagi pihak lain hendaklah mendapat keizinan daripadanya terlebih dahulu. Walaupun terdapat pandangan ulama yang mengesahkan urusan secara *fuḍūlī* dari sudut hukum tetapi aplikasinya dalam konteks muamalat masa kini hendaklah dilihat juga dari sudut undang-undang. Hal ini supaya pihak yang melakukan urusan secara *fuḍūlī* tidak terdedah kepada tindakan undang-undang atas tuduhan salah guna kuasa dan sebagainya. Malah, kesan buruk akibat kegagalan mendapat persetujuan daripada pemilik perlu dilihat secara menyeluruh dari sudut fiqh dan undang-undang sesebuah negara melibatkan semua pihak yang terlibat dalam urus niaga tersebut.

Daripada perbincangan berkaitan urus niaga dan jual beli, perbincangan selanjut dialihkan kepada kaedah fiqh yang menjadi asas bagi perbincangan konsep *al-ta’jil* dan *al-ta’khīr* berhubung kesalahan jenayah yang lebih berat.

## من استعجل الشيء قبل أوانه عوقب بحرمانه

*“Sesiapa yang menyegerakan sesuatu sebelum tiba masanya dihukum haram memilikiya.”<sup>60</sup>*

Sekiranya kaedah di atas dirujuk dalam isu pembahagian harta pusaka, maka ahli waris yang membunuh pewaris supaya dapat mewarisi harta dengan

<sup>58</sup> ‘Abd ‘Azīz Muḥammad ‘Azām (2001), *op.cit.*, h. 85.

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> Zarqā’, Syaykh Aḥmad bin Syaykh Muḥammad al- (1998), *Sharḥ al-Qawā‘id al-Fiqhīyah*. Damshiq: Dār al-Qalam, Cet. 5, hh. 471-474. Lihat juga Ibn Nujaym, *op.cit.*, h. 184; al-Suyūṭī (1998), *op.cit.*, h. 152; al-Subkī juga telah mengibaratkan kaedah ini dengan lafaz *ما أخره الشرع بجازي برده*; Al-Suyūṭī (1998), *op.cit.*, j. 1, h. 178. Manakala Ibn Rajab mengibaratkan dengan *من تعجل حقه أو ما قبل وقته على محرم عوقب بحرمانه*. Lihat Ibn Rajab (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 271.

cepat (*al-ta'jīl*) akan dihalang daripada mewarisi. Hal ini bertujuan supaya pembunuhan tidak dijadikan batu loncatan atau jalan pintas untuk mewarisi harta pusaka dengan segera.<sup>61</sup>

عن عمرو بن شعيب قال: قال عمر رضي الله عنه: سمعت رسول الله  
صلى الله عليه وسلم قال: ليس لقاتل شيء

*“Daripada ‘Amrū bin Shu‘ayb bahawa ‘Umar r.a. berkata bahawa aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Pembunuh tidak mewarisi sesuatu apapun (daripada harta orang yang dibunuh).”<sup>62</sup>*

Menurut *jumhūr*, pembunuhan yang membawa kepada pengharaman itu ialah pembunuhan yang dijatuhkan dengan niat jahat dan menatiahkan hukuman *qisāṣ* atau *diyah* seperti pembunuhan sengaja.<sup>63</sup> Contoh lain dalam kes menyegerakan sesuatu sebelum tiba waktunya ialah dalam kes suami mentalakkan isterinya dengan talak *bā’in* ketika sakit yang membawa kepada kematian (*maraḍ al-mawt*).<sup>64</sup> Sekiranya, suami tidak meninggal dunia tetapi sebaliknya isteri yang meninggal dahulu, maka berdasarkan kaedah di atas, syarak menetapkan hukuman bagi pihak suami di mana dia tidak akan mewarisi harta pusaka isteri. Begitu juga dalam kes ibadah korban, Nabi Muhammad SAW pernah memerintahkan golongan yang menyembelih binatang korban sebelum Solat Hari Raya Aidiladha agar mengulangi sembelihan mereka. Justeru, ibadah yang disegerakan daripada waktunya adalah sia-sia seperti mana yang dinyatakan oleh Ibn Jurayj dan al-Qādī.<sup>65</sup>

## KESIMPULAN

Perbincangan menunjukkan bahawa konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* terdapat dalam semua aspek ibadah dan hukum fiqh. Kedudukan konsep ini adalah kukuh berdasarkan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, malah dikuatkan

<sup>61</sup> ‘Abd ‘Azīz Muḥammad ‘Azām (2001), *op.cit.*, h. 416; al-Suyūṭī (1998), *op.cit.*, j. 1, h. 336.

<sup>62</sup> Mālik bin Anas (1998), *al-Muwatta'*. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, Kitāb al-‘Uqūl, no. hadis 1365, j. 5, h.309; al-Shawkānī (t.t), *Nayl al-Awṭār*, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2, Kitāb al-Fara‘id, j. 9, h. 374.

<sup>63</sup> Ḥamdī ‘Abd al-Mun‘īm Shalabī (t.t.), *al-Ra‘id fī ‘Ilm al-Fara‘id*. Qāhirah: Maktabah Ibn Sīnā, h. 20; ‘Abd ‘Azīz Muḥammad ‘Azām (2001), *op.cit.*, h. 420.

<sup>64</sup> *Ibid.*, hh. 421- 426.

<sup>65</sup> Al-Qurṭubī, Muhammad ibn Ahmad (1996), *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*. Qāhirah: Dār al-Hadīth, cet. 2, j. 16, h. 288; al-Suyuti (1998), *op.cit.*, j. 1, h. 338.

lagi dengan perbincangan yang menyeluruh dalam semua saluran syarak dan bidang utama fiqh seperti *al-Qawā'id al-Fiqhiyah*, *Fiqh al-Wāqi'*, *Fiqh al-Awlawiyāt*, *Uṣūl al-Fiqh*, *Fiqh al-Islāmī* dan *Maqāṣid al-Shar'iyyah*.

Justeru, objektif kajian berhubung konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* dalam pelaksanaan hukum syarak ialah mencapai matlamat-matlamat syariat (*maqāṣid al-shar'iyyah*) yang amat mementingkan prinsip mudah (*al-taysīr*) dan menolak unsur menyukarkan (*al-ta'sīr*) dalam pelaksanaan ibadah. Perbincangan juga menunjukkan status hukum hakam dan waktu pelaksanaan sesuatu ibadah sentiasa berubah-ubah dan boleh disesuaikan berdasarkan kaedah *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* yang dibincangkan dalam pelbagai bab fiqh. Justeru, keafdalan dalam pelaksanaan sesuatu ibadah bergantung kepada keupayaannya mencapai matlamat syariat melalui sebuah pelaksanaan yang mampu menunjukkan kedinamikan syariah yang amat mengutamakan kepentingan (*maṣlaḥah*) setiap umat manusia tanpa terikat dengan hukum fiqh yang klasik, malah sebahagiannya harus dinilai semula berdasarkan kedudukan dan keperluan hukum pada masa kini. Kefahaman berhubung konsep *al-ta'jīl* dan *al-ta'khīr* juga bakal mengatasi kesukaran yang timbul ketika melaksanakan sesuatu ibadah tanpa menjelaskan kesahihan dan hikmahnya, seterusnya dapat dijadikan panduan bagi membentuk kefahaman fiqh yang unggul dan membentuk pelaksanaan ibadah yang fleksibel.

## RUJUKAN

- 'Abd 'Azīz Muḥammad 'Azām (2001), *al-Qawā'id al-Fiqhiyah*. Qāhirah: Maktab al-Risālah al-Dawliyyah li al-Ṭabā'ah wa al-Kumbuyūtēr.
- 'Alā' al-Dīn al-Ba'lī al-Dimashqī (2000), *al-Ikhtiyārat al-Fiqhiyah Min Fatāwā Syaykh al-Islām Ibn Taymiyah*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Aḥmad Bu'ūd (2000), *Fiqh al-Wāqi'-Kitāb al-Ummah, Uṣūl wa al-Dawābiṭ*. Qāhirah: Maṭābi' Dār Akhbār al-Yawm.
- Asnawī, Jamāl al-Dīn 'Abd Raḥīm bin al-Ḥasan al- (1999), *Nihāyah al-Ṣūl fī Sharḥ Minhāj al-Wuṣūl Ilā 'Ilm al-Uṣūl*. j. 1. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Azharī, Abū Manṣūr Muḥammad bin Ahmad al- (2001), *Tahdhīb al-Lughat*. j. 1, 5, 6, 8. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī.
- Bukhari, Muhammad ibn Isma'il al- (t.t), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2, j. 15.
- Fatāwā al-Azhār*; al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Fatāwā al-Lajnah al-Dā'imah li-al-Buhūth al-'Alamiyyah wa al-Iftā'*, al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.

- Għażalī, Abī Ḥāmid, Muḥammad bin Muḥammad al- (1970), *al-Muṣṭafā*, j. 2. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Ḩamdī ‘Abd al-Mun‘im Shalabī (t.t.), *al-Ra’id fī ‘Ilm al-Fara’id*. Qāhirah: Maktabah Ibn Sīnā.
- Ḩusayn Qandīl (1997), *Muqaddimah fī Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*. Qāhirah: T.P. Ibn ‘Arafah (t.t.), *Sharḥ Hudūd Ibn ‘Arafah*, j. 2. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Ibn al-Daqīq al-‘Ayd (2002), *Ihkām al-Ahkām Sharḥ ‘Umdah al-Ahkām*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, j. 4.
- Ibn Ḥajr al-‘Aṣqalānī (t.t.), *Fatḥ al-Bārī*, j. 2. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Ibn Manzūr (1990), *Lisan al-‘Arab*, j. 11. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Ibn Qudāmah (t.t.), *al-Mughnī bi al-Sharḥ al-Kabīr*. j. 1. Qāhirah: Dār al-Ghad al-‘Arabī.
- Ibn Rajab (t.t.), *al-Qawā'id li Ibn Rajab*, j. 2, 4. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Jāmi‘ah al-Kuwayt (2000), *Majallaḥ al-Shari‘ah wa al-Dirasāt al-Islāmiyah*. v. 14. Bil. 40. Kuwayt: Jāmi‘ah al-Kuwayt.
- Jawhari, al- (t.t.), *al-Sahħah fī al-Lughah*, j. 1. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Maḥmūd ‘Abd al-Rahmān ‘Abd al-Mun‘im (t.t.), *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyah*. j. 3. Qāhirah: Dār al-Faḍīlah.
- Mālik bin Anas (1998), *al-Muwaṭṭa'*, j. 5. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Maṭraz, Abū al-Fatḥ Nāṣir al-Dīn bin ‘Abd al-Sayyid bin ‘Alī al- (t.t.), *al-Mughrib fī Tartib al-Mu‘rib*, j. 3. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Muḥammad ‘Abduh, et.al (t.t.), *al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*, T.P: al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm.
- Muḥammad ‘Alī Sayis (1999), *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*. Damshiq: Dār al-Fikr.
- Muḥammad Bakr Ismā‘īl (1997), *al-Fiqh al-Wāḍih*. j. 1. Qāhirah: Dār al-Manār.
- Muḥammad Ḥusayn Qandīl, et.al (1998), *Dirasah Muqāranah*, Damanhūr: Jāmi‘ah al-Azhar Fur‘u.
- Muḥammad Sayyid Ṭanṭawī (t.t.), *al-Tafsīr al-Wasīt*, j. 1. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Muqrī, Syaykh Abu al-‘Abbas Ahmad bin Muḥammad bin ‘Ali al-Fayyūmī al- (t.t.), *al-Misbāh al-Munir fī Ghāribi al-Sharḥ al-Kabīr*, j. 6. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Nasafī, ‘Abdullāh bin Aḥmad, bin Maḥmūd Ḥāfiẓ al-Dīn Abū Barakāt al- (t.t.),

- Madārik al-Tanzīl wa ḥaqā'iq al-Ta'wīl*, j. 3, al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Nawāwī, al- (1999), *al-Minhāj*. j. 9. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah.
- Nawāwī, al- (t.t), *Sharḥ al-Nawāwī 'Alā Muslim*, j. 2. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Putat Islam USM (2006), *Modul Pengurusan Jenazah Bersepadu*. Kuala Lumpur: Percetakan Sinaran Bross.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1998), *Fiqh al-Awlawiyyāt, Dirāsah Jadīdah fī Daw' al-Qur'ān wa al-Sunnah*, Beirūt: al-Maktab al-Islāmī.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1998), *Panduan Memahami Syariat Islam*, Ahmad Azzam (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (2000), *Fatāwā Mu'āṣirah*. j. 1. Beirūt: al-Maktab al-Islāmī.
- Qurṭubī, al- (1996), *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. j. 16. cet. 2. Qāhirah: Dār al-Ḥadīth.
- Qurṭubī, al- (t.t), *Tafsīr al-Qurṭubī*, j. 10. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Razī, al- (t.t), *Mukhtar al-Ṣaḥħah*, j. 1. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Sahib bin 'Ubad, al- (t.t), *al-Muhiṭ fī al-Lughāh*, j. 1. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Salām, 'Izz al-Dīn 'Abd al-'Azīz 'Abd al- (2000), *al-Qawā'id al-Kubrā*. j. 1. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Sayyid Sābiq, al- (2000), *Fiqh al-Sunnah*. j. 2. Qāhirah; Dār al-Fath Li I'lām al-'Arabī.
- Shawkānī, al- (t.t), *Nayl al-Awṭār*, j. 9. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Şinhājī, Abū al-'Abbas Shihāb al-Dīn al-, al-Qurafī, Aḥmad bin Idrīs bin 'Abd al-Raḥmān (t.t), *Anwār al-Burūq fī Anwā' al-Furūq*, j. 7. al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Suyūṭī, al- (1998), *al-Ashbāh wa al-Naẓā'ir*. j. 1. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Ṭabarī, Abū Ja'far, Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Ghālib al-Āmalī al- (2000), *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*. j. 4. Beirūt: Mu'assasah al-Risālah.
- Zahri, al- (t.t), *Tahdhīb al-Lughāt*, al-Maktabah al-Shāmilah ver. 2.
- Zarqā', Saykh Aḥmad bin Syaykh Muḥammad al- (1998), *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhīyah*. Cet. 5. Damshiq: Dār al-Qalam.
- Zubaydī, al- (t.t), *Tāj al-'Urūs*, j. 1. al-Maktabah al-Shāmilah, ver. 2.
- Zuhaylī, Wahbah al- (1997), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. j.1. Damshiq: Dār al-Fikr.